

## **ANALISA LAPORAN BERITA PALSU DI LAMAN SESAWANG SEBENARNYA.MY: SATU KAJIAN AWAL.**

SULAIMAN SALLEH

Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Muamalah (KUIS)

[Sulaiman@kuis.edu.my](mailto:Sulaiman@kuis.edu.my)

ABDUL GANING LAENGKANG

Pensyarah Pusat Pengajian Teras (KUIS)

[abdulganing@kuis.edu.my](mailto:abdulganing@kuis.edu.my)

MUHAMMAD HASHIMEE

Pensyarah Pusat Pengajian Teras (KUIS)

[muhhammad@kuis.edu.my](mailto:muhhammad@kuis.edu.my)

MOHD SHAFIE ZULKIFLI

Pensyarah Pusat Pengajian Teras (KUIS)

[mohdshafie@kuis.edu.my](mailto:mohdshafie@kuis.edu.my)

### ***ABSTRAK***

Terdapat segelintir maklumat yang disalurkan ke media sosial pada hari ini dikatakan berunsur penyelewengan fakta sebenar, dan terdapat juga mengandungi unsur fitnah yang disampaikan melaluinya. Berdasarkan latarbelakang itu kajian ini dilakukan berdasarkan objektif menilai jumlah komunikasi fitnah yang terdapat di media sosial dan mengesyorkan pengurangan fitnah di media sosial. Kaedah kajian dengan menganalisa data yang diperolehi di laman web Sebenarnya.my pada awal kewujudannya hingga tahun terakhir kajian. Kajian yang dilakukan mendapati terdapat 2056 data dari tahun 2001 hingga 2019 di laman sesawang Sebenarnya.my. Hasil dapatan kajian itu menjelaskan bahawa masih perlu dilakukan kajian lanjutan atau berkaitan dengan dengannya. Kajian yang dilakukan ini adalah kajian awal yang tidak merangkum pelbagai bidang yang menyokong kepadatan hasil kajian. Kajian yang lebih mendalam seperti apakah bentuk berita fitnah yang terdapat di media sosial, tahap kesedaran masyarakat terhadap penularan berita fitnah di media sosial, bagaimanakah bentuk model kawal selia diri dalam kalangan masyarakat yang perlu diadoptasi bagi mengurangkan penularan berita fitnah di media sosial. Kajian mendalamai ilmu-ilmu berkaitan serta kajian-kajian berkaitan dalam bidang komunikasi, perundangan dan agama juga harus dilakukan untuk mengurangkan penyebaran maklumat yang berupaya mengugat kestabilan masyarakat.

*Kata kunci:* Laporan, berita palsu.

## **1.0 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Ketika kajian ini dilakukan, antara peralatan yang popular digunakan untuk memasukkan maklumat ke media sosial adalah komputer riba, ipad atau telefon pintar. Hanya beberapa saat, maklumat berupaya disebarluaskan kepada beribu-ribu atau jumlahnya lebih daripada itu. Penyampaian maklumat sedemikian dikaitkan dengan media sosial yang menjadi sebahagian daripada peralatan digunakan.

Bagaimanapun, terdapat segelintir maklumat yang disalurkan ke media sosial dikatakan berunsur penyelewengan fakta sebenar, dan terdapat juga mengandungi unsur fitnah yang disampaikan melaluinya.

Unsur fitnah di media sosial harus diatasi atau setidaknya dikurangkan supaya penyampaian maklumat yang bermanfaat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan serta menjaga kestabilan masyarakat.

Pihak kerajaan menyedari permasalahan ini dan langkah mewujudkan laman sesawang Sebenarnya.my. Laman web Sebenarnya.my dilancarkan pada 14 Mac 2017 oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ketika itu. Pada awal penubuhannya, ia dikelolakan seramai 10 petugas dan dibagikan kepada bahagian penyunting laman sosial dan teknikal. Seramai enam ditugaskan menyelenggara kandungan berita yang dikemukakan.

## **1.2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Hari ini, media sosial sering dikaitkan dengan penyebaran fitnah yang dikatakan memberi kesan buruk kepada masyarakat. Pelbagai kaedah dan usaha berterusan yang dilakukan oleh pelbagai golongan masyarakat dan pemimpin negara, namun penyebaran fitnah di medium berkenaan masih dan terus berlaku.

Kaedah yang sesuai mengurangkan fitnah di media sosial haruslah diperolehi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat akan bahayanya fitnah melalui media sosial berkenaan. Unsur fitnah dalam media sosial harus dibendung kerana ianya berupaya memberi kesan pada kestabilan masyarakat.

## **1.3 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bertujuan:

- 1) Menilai jumlah komunikasi fitnah yang terdapat di media sosial.
- 2) Mengesyorkan pengurangan fitnah di media sosial.

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk mendapatkan penjelasan bagi persoalan:

1. Bentuk fitnah berlaku di media sosial.
2. Apakah strategi, kaedah, teknik, cara yang perlu diadoptasi bagi mengurangkan fitnah di media sosial?

## **1.5 KAEADAH KAJIAN**

Kajian ini dilakukan dengan menganalisa data yang diperolehi di laman web Sebenarnya.my sepanjang tempoh kewujudan laman sesawang ini. Juga, mendalami ilmu-ilmu berkaitan serta kajian-kajian berkaitan dalam bidang komunikasi.

Selain bahan dari laman web Sebenarnya.my, turut dilakukan dengan mengumpul serta menganalisa bahan dari jurnal, buku akademik, dan beberapa sumber bersesuaian.

## **1.6 KAEADAH KUTIPAN DATA**

Kaedah kutipan data dilakukan dengan melayari laman web Sebenarnya.my, dan beberapa sumber sesuai berkaitan maklumat di media sosial. Data dari laman web berkenaan dianalisa dari jumlah serta kelakuan bahasa.

## **1.7 HIPOTESIS**

Secara umumnya, fitnah bermaksud tuduhan sama ada melalui khabar, kisah dan sebagainya yang diada-adakan untuk memburuk-burukkan seseorang. Sebaik penyelidikan dilakukan, penyelidik berpandangan di media sosial hari ini terdapat fitnah yang jelas akan maksudnya, iaitu tuduhan yang diadakan untuk memburuk-burukkan seseorang.

Kedua, anggapan ianya fitnah tetapi ianya berlaku daripada pengubahan maklumat yang tidak disengajakan.

Pengubahan maklumat berkenaan berlaku disebabkan oleh faktor:

- a. Persepsi. Pengalaman seseorang terhadap peristiwa yang dialami hingga memberikan makna kepada pancaindera, perhatian, harapan, motivasi dan ingatannya.
- b. Sensasi. Berlaku hasil daripada ransangan informasi yang dicerap oleh pancaindera, iaitu mata, telinga, rasa, bau.
- c. Memori. Menyimpan maklumat yang diterima hasil merakam, menyimpan dan memanggil.
- d. Berfikir. Proses mengolah maklumat yang terakhir di mana ianya perlu mengingat kembali, mengenali maklumat yang dikenali, mengulang pelajaran dan gabungan kembali mengenai pengalaman yang pernah dilalui seseorang.

Bagaimanapun, perkara lain seperti perbezaan usia, pengalaman, jantina, kaum dan sebagainya juga berupaya mewujudkan persepsi, sensasi, memori dan berfikir seseorang terhadap sesuatu perkara yang diterima.

Sementara itu, menurut Ibnu Khaldun (1332-1406 masehi) untuk memastikan komunikasi penulisan berkesan, boleh disesuai dengan peranan penerima dan penyumbang di media sosial masa kini iaitu:

1. Harus teliti dan tidak mudah menerima atau mempersetujui sumber yang diperolehi. Kurang ketelitian dan menerima sesuatu maklumat tanpa usul periksa akan menyebabkan pemihakan kepada sesuatu pihak sahaja.

“... tidak menyedari tujuan sesuatu kejadian. Kebanyakan tukang cerita tidak menyedari betapa dia harus lebih teliti sesuatu yang dia teliti atau tentang segala sesuatu yang dia pelajari melalui penceritaan itu. Dia mengaturkan maklumat itu, menyatakan peri pentingnya sebagaimana yang dia andaikan atau membayangkan ianya ada. Hasilnya ialah suatu kepalsuan semata.”

2. Keyakinan melampau. Samada berpuncu kejayaan pemberi maklumat menyakinkan, sikap penulis yang mudah dipengaruhi atau sebagainya. Keyakinan melampau itu akan menyebabkan penulis menerima segala maklumat tanpa usul periksa. Kesannya kemungkinan penulis akan menerima maklumat palsu yang dianggap benar.

“Sebab yang keempat ialah andaian yang tidak berasas tentang kebenaran sesuatu hal. Hal sebegini sering kali terjadi. Ia berlaku disebabkan terlalu mempercayai apa yang disampaikan oleh si tukang cerita.”

3. Tersilap menafsir maklumat. Terdapat penulis yang tersilap menafsir maklumat yang didengar atau diterima. Sebaliknya, difahami maklumat itu mengikut tafsirannya sendiri. Kesannya, maklumat itu tidak mengikut seperti mana yang dimaksudkan oleh pemberi maklumat.

“... kepalsuan itu tidak dapat dielakkan ialah kerana terlalu bergantung kepada maklumat yang diceritakan oleh seseorang tukang cerita.”

4. Tidak jelas maksud yang tersirat. Kesilapan seperti ini kebiasaannya membabitkan maklumat yang sukar dijelaskan dengan kata-kata. Penulis mempunyai peranan untuk menjelaskan dalam bahasa yang mudah melalui tulisan atau laporannya. Harus diingati bahawa terdapat pemberi maklumat yang tidak dapat menjelaskan sesuatu melalui kata-kata.

“... ketidaktahuannya tentang bagaimana keadaan-keadaan itu sesuai dengan realiti. Keadaan-keadaan itu sering dipengaruhi oleh kekaburuan dan tokok tambah yang palsu. Seseorang informan itu akan melaporkan seperti apa yang dilihatnya, tetapi mengenai tokok tambah yang palsu itu dia sendiri tidak berupaya untuk memberikan suatu gambaran yang benar mengenainya.”

5. Gagal meletakkan sesuatu peristiwa dalam seluruh keadaan atau latar belakang yang sebenar. Kejadian ini berlaku disebabkan oleh kekaburuan atau kerumitan sesuatu peristiwa. Kaijan yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengelak kesilapan.

“Sebaliknya, untuk memastikan benar dan munasabahnya sesuatu maklumat itu atau tentang fakta kejadian-kejadiannya, suatu syarat yang harus difikirkan ialah sama ada ianya sesuai atau tidak sesuai sebagaimana yang dilaporkan dengan syarat-syarat umum.”

6. Mengampu. Perbuatan mengampu mereka yang berkedudukan lebih tinggi dengan cara memuji dan menyebar kemasyhuran atau kehebatan seseorang individu. Kesannya maklumat sedemikian memberi gambaran yang serong terutama membabitkan individu berkenaan.

“Sebab yang keenam ialah pada hakikatnya kebanyakannya cenderung menemu bual orang-orang yang berkuasa dan berkedudukan tinggi dengan puji-pujian dan sanjungan. Mereka juga mengembar-gemburkan sikap baik mereka dan menghebohkan kemasyhuran mereka. Maklumat yang dihebahkan itu adalah tidak dibuat secara jujur. Manusia sememangnya berasa senang apabila dipuji, dan manusia itu memberikan banyak tumpuan untuk mendapatkan kesenangan di dunia ini dan sentiasa berusaha mendapatkan kedudukan serta kekayaan yang boleh dicapai. Lazimnya, mereka tidak suka melakukan perbuatan yang mulia dan tidak menyukai orang-orang yang berbuat amal kebaikan.”

7. Jahil mengenai fitrah atau natures sesuatu perkara. Kejadian ini memerlukan peningkatan ilmu pengetahuan. Hanya melalui ilmu dan ketepatan dalam menafsir fitrah atau nature dapat membezakan antara kebenaran dan kepalsuan terutamanya membabitkan hukum alam.

“Ketidaktahuan tentang sifat semula jadi keadaan yang wujud dalam peradaban. Setiap peristiwa (atau fenomena), baik yang berhubungan dengan bahagian intipati mahupun yang (disebabkan oleh) perbuatan, tidak dapat tidak pasti mempunyai hal semula jadi yang khas untuk intipatinya, dan juga untuk keadaan-keadaan yang akibat sifat semula jadi sesuatu peristiwa itu dan keadaan serta syarat-syarat di dalam dunia eksistensi, pengetahuan itu akan membantunya untuk membezakan yang benar daripada yang tidak benar sewaktu memeriksa maklumat sejarah itu secara kritisnya. Ia adalah jauh lebih berkesan dalam memeriksa maklumat yang kritis daripada aspek lain yang berbangkit dalam hubungannya dengan hal tersebut.”

8. Membesar-besarkan sesuatu hal. Perbuatan membesar-besarkan sesuatu hal hingga melebihi batasan fikiran adalah disebabkan keasyikan bercerita atau menulis mengenai hal berkenaan. Perkara ini berlaku mungkin juga disebabkan oleh penulis atau wartawan berkenaan sengaja lakukannya bagi meningkatkan jualan akhbar, majalah dan lain-lain penerbitan tempatnya bekerja. Bagaimanapun, perbuatan itu dapat dinilai kebenarannya melalui pengalaman atau ilmu berkaitan dengannya.

“Jika seseorang itu berpihak kepada suatu pendapat atau kelompok, maka dia akan dengan serta-merta menerima setiap maklumat yang sealiran dengan pendapat sesuatu kelompoknya. Sikap buruk sangka dan berpihak itu akan menghalang seseorang daripada berfikir secara kritis dan menghalang penyelidikan yang wajar. Akibatnya ialah sesuatu yang tidak sahih itu diterima dan disampaikan.”

## **1.8 MANAFAAT KAJIAN**

Kajian yang dicadangkan ini berupaya melihat secara umum punca berlakunya fitnah di media sosial. Seterusnya, memberi cadangan strategi, kaedah, teknik sesuai yang boleh diadoptasi bagi mengurangkan perbuatan fitnah di media sosial.

## **1.9 BATASAN KAJIAN**

Kajian ini terbatas kepada bahan-bahan yang diperolehi dari laman web Sebenarnya.my, jurnal, buku akademik, dan beberapa sumber yang menyimpan bahan kajian atau penerbitan mengenai komunikasi di media sosial.

## **2. KAJIAN-KAJIAN LALU**

Penyelidik mendapati kajian mengenai kelakuan bahasa (fitnah) di media sosial terutama di negara masih kurang. Kekurangan itu dilihat disebabkan teknologi berkaitan penggunaan media sosial seperti komputer peribadi, komputer riba dan telefon pintar hanya beberapa tahun kebelakang dan kajian-kajian berkaitan masih diperingkat awal atau sedang dilakukan.

Kajian Abd Ganing Laengkang (2020), Analisis Lakuan Bahasa Ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam isu IMDB, Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya, berupaya memperkuuhkan penyelidikan yang dilakukan.

Kategori lakuan bahasa dapat dikategorikan kepada lakuan pernyataan, lakuan kritikan, lakuan arahan, kategori ekspresi dan lakuan komisif. Setiap kategori lakuan bahasa yang dinyatakan itu terdapat pecahan kecil memperincikan lakuan bahasa berkenaan.

Lakuan pernyataan. Diperincikan kepada pernyataan maklumat, lakuan penerangan, pernyataan penegasan, pernyataan wakil, lakuan pengakuan, lakuan ramalan, lakuan andaian, pernyataan rujukan, lakuan sebab akibat, lakuan tunjuk, lakuan soalan penerangan, lakuan keterangan sebab, lakuan petik pernyataan, lakuan perbandingan umum, dan lakuan penutup. Lakuan kritikan. Diperincikan kepada lakuan kritikan langsung, lakuan dakwaan, lakuan sindiran, lakuan perbandingan kritikan, lakuan hujahan, lakuan kritikan umum, lakuan persoalan retorik, lakuan penafian, lakuan bidasan, lakuan tidak percaya, lakuan kiasan, lakuan anekdot.

Lakuan arahan. Diperincikan kepada lakuan persoalan kritis, lakuan larangan, lakuan permintaan, lakuan desakan, lakuan gesaan, lakuan doa, lakuan nasihat, lakuan merayu, lakuan cadangan, lakuan mencabar, lakuan menyakinkan, lakuan harapan, dan lakuan menghalang.

Kategori Ekspresi. Diperincikan kepada lakuan sapaan, lakuan hendak, lakuan terima kasih, lakuan yakin, lakuan salam, lakuan syukur, lakuan kecindan, lakuan bimbang, lakuan tidak tahu, lakuan pujian, lakuan pelik, lakuan enggan, lakuan malu, lakuan tidak hairan, tidak memaafkan, lakuan gembira.

Lakuan komisif. Diperincikan kepada lakuan janji.

## **2.1 KONSEP KOMUNIKASI**

Konsep asas komunikasi fitnah di media sosial berkaitan undang-undang penerbitan di negara ini. Secara umumnya, hubungan fitnah dengan seseorang penulis memberi maksud tindakan yang dilakukan oleh seseorang penulis menjelaskan seseorang individu atau syarikat kesan daripada penerbitan bahan bercetak yang ditulisnya.

Mokhtar Muhammad (2004) menyatakan bahawa takrif klasik yang akan dijelaskan oleh hakim mengenai fitnah ialah penerbitan sesuatu kenyataan yang mendedahkan mangsanya kepada kebencian, ejekan atau penghinaan. Undang-undang ini cuba melindungi reputasi yang sedang dinikmati oleh seseorang itu dalam masyarakat.

“Undang-undang fitnah bertujuan melindungi kepentingan, maruah dan imej individu atau organisasi daripada rosak atau tercemar oleh sesuatu fitnah. Maruah dan nama baik amat penting. Kalau maruah dan nama baik sudah tercemar, hidup sudah tidak bermakna lagi. Oleh sebab itulah undang-undang fitnah diperkenalkan, demi memberikan penawar kepada orang yang terjejas nama baik dan kedudukannya di mata masyarakat.”

Turut dinyatakan bahawa undang-undang fitnah meliputi Akta Fitnah, 1957 dan common law.

“Memandangkan Akta Fitnah banyak menyentuh prinsip am sahaja, tidak hairanlah mahkamah di Malaysia mengambil prinsip common law untuk menjelaskan konsep fitnah. Hakim-hakim di Malaysia begitu kerap mengikut keputusan mahkamah di England, India dan Australia. Dalam kes Syed Husin Ali lwn Syarikat Percetakan Utusan Melayu Berhad dan lain-lain, plaintif telah

a: menuntut ganti rugi daripada defendant kerana akhbar defendant menerbitkan kata-kata yang bercorak fitnah terhadap plaintif.”

Mokhtar Muhammad (2004) turut menyatakan bahawa

“Di Malaysia, fitnah juga boleh menjadi suatu kesalahan jenayah. Kanun Keseksyen memperuntukkan perbuatan fitnah sebagai suatu kesalahan jenayah. Seksyen 499 memperuntukkan bahawa sesiapa melakukan sesuatu yang boleh merosakkan nama baik seseorang adalah memfitnah orang itu. Barang siapa memfitnah atau mencetak perkara-perkara yang boleh memfitnah seseorang, jika sabit kesalahan, hukumannya adalah penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau denda atau kedua-duanya sekali.”

### **2.1.1 Makna Fitnah Mengikut Undang-undang**

Mengikut undang-undang sesuatu penerbitan akan dikatakan mengandungi fitnah sekiranya ia mengandungi unsur-unsur berikut:

1. Secara umumnya merendahkan seseorang dari kalangan masyarakat yang waras.
2. Penerbitan yang menyebabkan seseorang dibenci, dihina, diperkecilkan, dipinggir dan tidak dihiraukan oleh masyarakat atau orang sekelilingnya.
3. Menyebabkan seseorang dibenci, dihina, diperkecilkan, dipinggir dan tidak dihiraukan oleh masyarakat sekeliling atau orang yang mengenalinya.
4. Menjauhkan seseorang daripada kerjayanya, perniagaannya, perdagangannya atau urusan pekerjaan bagi menyara kehidupannya.

Tahap kerosakan atau kejejasan seseorang yang difitnah melalui penerbitan bergantung juga kepada ilustrasi, rekaletak, tajuk berita/rencana yang menjelaskan maknanya.

Seseorang yang merasakan dirinya difitnah boleh menyaman mereka yang didapati bertanggungjawab ke atas fitnah yang dilakukan iaitu wartawan, sub-editor, editor, penerbit, pengeluar, pencetak atau pengedaran.

#### **2.1.1.1 Libel**

Secara umumnya, libel boleh dijelaskan sebagai satu bentuk penerbitan yang kekal lama.

Bagi tuntutan libel, seseorang penuntut yang mendakwa sudah difitnah perlulah:

1. Membuktikan bahawa penerbitan itu menyentuh mengenai dirinya.
2. Membuktikan bahawa penerbitan yang menyentuh mengenainya mengandungi fitnah.
3. Penerbitan bahan yang dikatakan itu diterbitkan bagi pihak ketiga.

#### **2.1.1.2 Slander**

Slander bolehlah dijelaskan sebagai satu bentuk fitnah yang sukar dibuktikan bentuknya serta memerlukan bukti yang lebih jelas mengenai tahap kerosakan khas kesan daripada fitnah yang dilakukan ke atasnya.

## **2.2 HUBUNGAN KOMPUTER, INTERNET DAN MEDIA SOSIAL**

Kewujudan media sosial mempunyai perkaitan secara langsung dengan kewujudan alat komunikasi komputer dan internet. Tanpa kedua-duanya media sosial tidak berupaya berfungsi seperti masa kajian ini dilakukan.

Perbincangan mengenai media sosial, haruslah diketahui kewujudan internet dahulu yang menghasilkan kewujudan media sosial. Internet adalah satu sistem jaringan rangkaian komputer antarabangsa yang meliputi kebanyakan negara. Rochester (1998) menyatakan bahawa internet berfungsi untuk memudahkan perkhidmatan komunikasi data yang luas termasuk mel-elektronik, program pemindahan data dan fail, kumpulan perbincangan dan kumpulan perbualan.

Internet bukanlah satu fenomena baru. Jaringan ini diasaskan oleh sekumpulan komputer yang dihubungkan bersama-sama dalam tahun 1960-an sebagai projek Agensi Projek Penyelidikan Termaju (ARPA), Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat.

Pada peringkat permulaan, ARPA menghubungkan empat komputer kerangka utama yang terletak di Stanford Research Institute, University of California di Los Angeles, University of California di Santa Barbara, dan University of Utah.

Matlamat asal adalah untuk menghasilkan satu jaringan untuk membolehkan proses pemindahan data yang selamat di antara komputer tentera yang terletak di tempat-tempat yang berbeza melalui beberapa laluan komunikasi yang berlainan. Keadaan talian komunikasi yang

berulangan ini memang dijadikan sedemikian rupa supaya proses pemindahan data tidak terganggu sekiranya berlaku perperangan.

Oleh itu, fungsi komputer direka bentuk dalam keadaan tidak berpusat supaya tidak ada satu bahagian atau kawasan khusus yang dapat dimusnahkan ketika dalam suasana perang. Pada tahun-tahun berikutnya, jaringan kerajaan pula dihubungkan kepada ARPANET dan keseluruhan jaringan tersebut membentuk Internet.

Sejak pertengahan 1980-an, satu agensi kerajaan Amerika Syarikat yang dinamakan National Science Foundation (NSF), dan lain-lain badan kerajaan diberi kuasa mengawal capaian kepada Internet.

Semasa perkembangan awal sejarah Internet, jaringan ini tidak digunakan dan tidak pernah direka bentuk untuk kegunaan komersil. Ini disebabkan pembangunan Internet dibiayai oleh bantuan kewangan sepenuhnya dari NSF dan lain-lain agensi kerajaan.

Sepanjang tahun 1980-an itu juga, pengguna Internet ditumpukan kepada penyelidikan teknikal, akademik, dan saintifik. Dalam tahun 1991, pihak NSF mula melonggarkan peraturan dan membenarkan kegunaan Internet untuk tujuan komersil.

Pada bulan April 1995 kerajaan Amerika Syarikat seterusnya menyerahkan kawalan Internet kepada suatu badan bebas yang menghapuskan sekatan capaian Internet. Pembukaan Internet kepada komersil terus menggalakkan penemuan teknologi berkaitan terbaru.

### **2.3.4 MEDIA SOSIAL**

Media sosial merupakan alatan dengan perantaraan komputer yang membolehkan orang ramai untuk mencipta, berkongsi atau bertukar-tukar maklumat, idea, gambar, dan video dalam komuniti dan rangkaian maya.

Media sosial juga didefinisikan sebagai sekumpulan aplikasi berdasarkan internet yang dibina di atas asas ideologi dan teknologi Web 2.0 yang membolehkan penciptaan dan pertukaran kandungan yang dihasilkan oleh pengguna.

Lebih menarik, media sosial hari ini juga bergantung kepada teknologi mudah alih selain berdasarkan web untuk menghasilkan platform yang sangat interaktif – di mana individu dan komuniti berkongsi, sama-sama mencipta, membincangkan, dan mengubahsuai kandungan yang dihasilkan oleh pengguna. Platform ini memperkenalkan perubahan besar serta menyeluruh kepada komunikasi di antara perniagaan, organisasi, komuniti, dan individu.

Dalam tempoh yang singkat, media sosial telah menjadi mod utama komunikasi bagi sejumlah besar orang ramai yang jauh jaraknya di serata dunia. Sejak 10 tahun yang lepas inovasi di sebalik media sosial telah meningkat ke tahap yang luar biasa. Bermula dari pengeposan asas pada 1970-an hingga kepada sembang (chat) pada 1980-an dan ditambah baik secara berterusan hingga berubah kepada zaman melinium, di mana impak besarnya bermula.

Era keemasan media sosial dikatakan bermula pada 2001, di mana sudah ada beberapa aplikasi chat seperti ICQ, platform blog terawal seperti Livejournal, dan ensiklopedia sumber awam yang pertama, Wikipedia. Ini diikuti platform Friendster, MySpace, serta Facebook pada tahun 2004, dan Twitter pada 2006. Facebook dan Twitter antara dua platform media sosial yang lebih popular hingga hari ini berbanding MySpace, Bebo, dan Friendster.

Tidak dinafikan, aplikasi (app) popular seperti WhatsApp dan Snapchat memberi impak terhadap penggunaan peranti mudah alih dan lonjakan pengguna media sosial di serta dunia. Selain itu, ada banyak rangkaian lain yang tidak disenaraikan di sini seperti Yik Yak, Whisper, Tsu, dan Ello tetapi menjadi sebahagian daripada era keemasan media sosial yang berterusan.

## 2.4 IMBASAN TEORI

### 2.4.1 KOMUNIKASI DAN TEKNOLOGI

Perbincangan mengenai komunikasi dan teknologi pernah dibincangkan oleh Everett M. Rogers. Menurut Everett M. Roger (1986):

“... penuntut komunikasi yang cekap pada hari ini mesti mengetahui apa yang boleh dilakukan oleh komputer dan bagaimana ia berfungsi dan dengan lebih luas lagi bagaimana sistem-sistem komunikasi baru diterima dan bagaimana pula kesannya terhadap sosial.”

“Dalam tahun 1980-an, suatu revolusi intelektual dalam sains komunikasi bermula kerana teknologi-teknologi komunikasi baru sedang mengubah bentuk komunikasi manusia dengan cara yang asas.”

Menurut Prof. Madya Dr. Saodah Wok, Dr. Narimah Ismail, Prof. Dr. Mohd Yusof Hussain (2003), berdasarkan ‘Theory of Electronic Propinquity’ yang dihasilkan oleh Korzenny (1978; 1981):

“Teori ini memberi gambaran keterhampiran daripada segi fizikal, masa dan jarak yang mempengaruhi corak dan pola komunikasi antara perseorangan melalui penggunaan media elektronik termasuklah media teknologi baru komunikasi seperti komputer.”

Menurut mereka, jarak antara individu tidak menjadi batas untuk berkomunikasi. Jarak tempat berada antara dua orang diambil-alih oleh saluran terbuka yang dapat digunakan dan dimasuki tanda-tanda simbol komunikasi dengan senang dan cepat sekali.

“Kita merasakan kita begitu hampir dengan orang yang kita bercakap melalui telefon bimbit walaupun jarak antara kita beribu-ribu kilometer jauhnya. Teknologi dapat membatasi halangan fizikal antara individu yang berkomunikasi.”

Penggunaan teknologi komunikasi juga berupaya membuatkan seseorang yang sedang dihubungi atau berhubung hampir dengan dirinya.

### 2.4.2 Teori Ekologi Media

Dalam Mohamed Nazul Ismail et al. (2014), media dan proses komunikasi mempengaruhi persepsi manusia dan pemahamannya. Hal tersebut sesuai dengan satu teori iaitu Teori Ekologi Media. Teori ini berpusat pada prinsip-prinsip bahawa teknologi tidak hanya mendalam mempengaruhi masyarakat, tetapi juga mempengaruhi bagaimana mereka berinteraksi. Teori ini adalah suatu teori yang sangat luas dan membicarakan banyak hal, tetapi pada satu sudut ada satu konsep yang dapat digunakan untuk membantu penelitian ini, iaitu bagaimana teknologi dapat mempengaruhi cara manusia berinteraksi, dan interaksi yang berlaku dalam teknologi informasi akan berbeza dengan yang berlaku semasa komunikasi bersemuka.

## 3.0 KAEDAH KAJIAN

Kaedah yang digunakan adalah dengan menganalisa data yang diperolehi dari laman sesawang Sebenarnya.my. Bahan kajian yang dikaji turut dilihat dari sudut kelakuan bahasa. Kategori lakuan bahasa dapat dikategorikan kepada lakuan pernyataan, lakuan kritikan, lakuan arahan, kategori ekspresi dan lakuan komisif.

## 4.0 HASIL KAJIAN

Hasil kutipan data dari laman sesawang Sebenarnya.my ditunjukkan seperti di bawah.

Jumlah data 2001 hingga 2019 (Sebenarnya.my)

Tahun	Status			Jumlah
		Penjelasan	Waspada	
2001	1	0	1	2
2002	0	0	0	0
2003	0	0	0	0
2004	0	0	0	0
2005	0	0	1	1
2006	0	0	0	0
2007	0	1	1	2
2008	0	0	0	0
2009	0	1	1	2
2010	1	0	3	4
2011	2	0	4	6
2012	0	0	5	5
2013	3	0	22	25
2014	8	3	52	63
2015	15	0	64	79
2016	27	2	108	137
2017	251	61	300	612
2018	459	148	340	947
2019	55	28	89	172
Jumlah Besar (peratus)	822 (39.96%)	244 (11.86%)	991 (48.18%)	2057 (100.00 %)

Berdasarkan data di atas, menunjukkan jumlah maklumat yang disiarkan di media sosial dalam bentuk palsu meningkat setiap tahun tetapi menurun pada jumlah 89 laporan pada tahun 2019.. Sebaran yang diperjelaskan di laman sesawang Sebenarnya.my juga bertambah pada tahun-tahun tertentu, terutama pada tahun 2017 dan 2018.

Hasil pemerhatian dari sudut kelakuan bahasa pula didapati pelbagai kategori lakuan digunakan terutama untuk tujuan tertentu.

## 5.0 PENUTUP DAN CADANGAN

Kajian yang dilakukan ini kajian awal yang tidak merangkum pelbagai bidang yang menyokong kepadatan hasil kajian. Kajian yang lebih mendalam seperti apakah bentuk berita fitnah yang terdapat di media sosial, tahap kesedaran masyarakat terhadap penularan berita fitnah di media sosial, bagaimanakah bentuk model kawal selia diri dalam kalangan masyarakat yang perlu diadoptasi bagi mengurangkan penularan berita fitnah di media sosial.

Kajian mendalam i ilmu-ilmu berkaitan serta kajian-kajian berkaitan dalam bidang komunikasi, perundangan dan agama juga harus dilakukan untuk mengurangkan penyebaran maklumat yang berupaya mengugat kestabilan masyarakat.

Beberapa lokasi untuk mendapatkan bahan-bahan kajian antaranya melalui jurnal, buku akademik, kajian-kajian lalu di beberapa lokasi seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia

(IKIM), Perpustakaan Negara, dan beberapa tempat yang menyimpan bahan kajian atau penerbitan mengenai fitnah di media sosial juga harus dilakukan.

Turut dicadangkan kajian penggunaan media sosial ini di kalangan masyarakat pada hari ini, terutamanya masyarakat Melayu. Fokus kajian ini perlu bagi membolehkan pendekatan mengikut agama Islam boleh digunakan bagi mencapai matlamat kajian ini dilakukan.

Beberapa pandangan individu mengenai kajian juga perlu dikumpul antaranya editor akhbar, mufti, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, pensyarah yang pakar dalam jenayah siber.

Kajian ini masih diperangkat awal, kajian lanjutan seperti dicadangkan adalah cara terbaik untuk mengurangkan penyebaran maklumat palsu serta mengandungi unsur-unsur fitnah di media sosial. Maklumat seperti itu harus disebat kerana ia berupaya mengugat kestabilan harmoni di kalangan masyarakat, seterusnya mengugat kestabilan negara.

## Rujukan

- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. 1998. Foundations of qualitative research in education. Qualitative Research in Education: An Introduction to Theory and Methods, 1-48.
- Dr. Hasrina Mustafa (2011). Communication Campaign. Universiti Terbuka Malaysia. Kuala Lumpur.
- Everett M. Rogers (1993), (penterjemah: Zulkarnain Mohd. Mess). Teknologi Komunikasi: Media Baru dalam Masyarakat. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Faridah Ibrahim, Normah Mustaffa, Mohd Rajib Ab Ghani. Penulisan Media Massa. Penerbit Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Perlis. 2016.
- Prof. Madya Dr. Saodah Wok, Dr. Narimah Ismail, Prof. Dr. Mohd. Yusof Hussain. (2003). Teori-teori Komunikasi. PTS Publications & Distributors Sdn Bhd. Pahang.
- Salasiah Hanim Hamjah. Dakwah dan Perubahan Sosiobudaya. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 2016.
- Merriam, S.B. 2001. Qualitative Research and Case Study Application in Education. San Francisco:Jossey-Bass Pub.
- Macnamara, J. 2005. Media content analysis: Its uses, benefits and best practice methodology. Asia Pacific Public Relations Journal, 6(1), 1-34.
- Neuman, W. 1997. Social research methods: qualitative and quantitative approaches. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- [www.Sebenarya.my](http://www.Sebenarya.my) (2019). Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Cyberjaya. Selangor.
- [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my) (2017). Utusan Melayu (M) Bhd. Kuala Lumpur.